

20.6.2022

Siaran Media 1:

Mesyuarat Agong Tahunan PBA Holdings Bhd (PBAHB) ke 22

PBAHB LAPOR PAT RM36.74 JUTA DAN ISYTIHAR DIVIDEN AKHIR 1 SEN SESAHAM

YAB TUAN CHOW KON YEOW,
Pengerusi, PBAHB and PBAPP, dan Ketua Menteri Pulau Pinang.

- **Kenaikan 48.4% dalam keuntungan selepas cukai (PAT) tahun ke tahun disebabkan oleh faedah cukai tertunda.**

PULAU PINANG, Isnin, 20.6.2022: PBA HOLDINGS BHD (PBAHB) mencatatkan keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM36.74 juta bagi tahun kewangan 2021.

Kenaikan PAT berjumlah RM11.98 juta, atau 48.4%, tahun ke tahun. Bagi tahun kewangan 2020, PBAHB telah melaporkan PAT sebanyak RM24.76 juta.

PAT lebih tinggi yang direkodkan pada 2021 adalah disebabkan terutamanya oleh faedah cukai tertunda kira-kira RM9.0 juta yang diperoleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP). Ia berkaitan dengan penggunaan “elaun pelaburan semula” (RA) yang tidak diserap sebanyak kira-kira RM78.0 juta pada tahun 2021, berbanding kira-kira RM12.0 juta pada tahun 2020.

Pada 27.2.2020, Kerajaan Persekutuan mengumumkan “Pakej Rangsangan Ekonomi” (di bawah P.U.(A) 268) di mana syarikat layak menuntut “elaun modal dipercepatkan” pada kadar 20% untuk elaun permulaan dan 40% untuk elaun tahunan perbelanjaan modal yang ditanggung dari 1.3.2020 – 31.12.2020, berhubung dengan peruntukan untuk “jentera dan peralatan” termasuk peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang digunakan dalam perniagaan.

Berikutan peraturan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), PBAPP akan kehabisan “elaun modal yang tidak diserap” yang dibawa ke hadapan dalam beberapa tahun akan datang, mengakibatkan peningkatan dalam penggunaan RA yang tidak diserap.

Ringkasnya, PBAHB melaporkan PAT yang lebih tinggi untuk 2021 terutamanya disebabkan oleh pengiktirafan faedah cukai tertunda yang boleh direalisasikan pada tahun-tahun akan datang.

21 Tahun Berturut-turut Membayar Dividen

Tahun 2022 menandakan tahun ke-21 berturut-turut PBAHB akan membayar dividen. PBAHB telah membayar dividen setiap tahun sejak tahun 2002.

Pada AGM secara maya syarikat hari ini, dividen akhir satu peringkat sebanyak 1 sen sesaham telah diluluskan untuk 7,942 pemegang saham. Keseluruhan pembayaran berjumlah RM3.31 juta.

Tiada Kenaikan Tarif pada 2021, Subsidi Air Domestik RM97.3 juta

Pada tahun tinjauan (2021), tiada semakan tarif air di Pulau Pinang.

Industri bekalan air di Malaysia dikawal selia oleh Kerajaan Persekutuan. Setiap semakan tarif air bagi setiap negeri di Semenanjung Malaysia adalah tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Persekutuan sebelum diwartakan sebagai undang-undang bagi mematuhi Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA 2006).

Pada Julai dan Disember 2020, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah mengumumkan bahawa semua cadangan semakan tarif air di Malaysia telah ditangguhkan kerana kesan sosioekonomi negatif pandemik Covid-19.

Akibatnya, PBAPP (operator bekalan air berlesen untuk Pulau Pinang) terpaksa menanggung subsidi air domestik berjumlah RM97.3 juta pada tahun 2021.

Subsidi air domestik ini ditanggung kerana purata tarif air Pulau Pinang untuk 35,000 liter pertama sebulan ialah RM0.32 setiap 1,000 liter. Ini adalah purata tarif air domestik paling murah yang dikenakan di Malaysia.

Pada asasnya, ini bermakna PBAPP memberi subsidi kepada setiap seorang daripada 571,219 pengguna domestik berdaftar Pulau Pinang untuk penggunaan air sehingga 35,000 liter sebulan pada 2021.

Walaupun subsidi air domestik Pulau Pinang mesra rakyat, ia tidak mampan atas 3 sebab utama:

1. Ia meningkatkan penggunaan domestik per kapita di Pulau Pinang sebanyak 27 liter/kapita/hari (LKH), atau 9.6% dalam 2 tahun, daripada 281 LKH pada 2019 kepada 308 LKH pada 2021. Peningkatan sebanyak 27 LKH mungkin tidak begitu ketara sehingga anda darabkannya dengan 1.776 juta orang untuk mendapat 48 juta liter sehari (MLD). Tanpa campur

tangan, penggunaan domestik per kapita akan terus menjadi tidak terkawal;

2. Ia meningkatkan keperluan infrastruktur bekalan air baharu bagi menyokong permintaan air yang lebih tinggi di Pulau Pinang; dan
3. Ia menjejaskan perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang sehingga ke tahap PBAPP kini terpaksa menangani isu bekalan air di beberapa kawasan di Seberang Perai Selatan (SPS).

Permohonan Semakan Tarif 2022

Pada 30.3.2022, PBAPP, sebagai operator bekalan air berlesen untuk Pulau Pinang, telah mengemukakan Pelan Perniagaan Ke-5nya kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Ini adalah keperluan SPAN untuk pelesenan.

Dalam pelan perniagaan itu, PBAPP menggariskan keperluan untuk semakan tarif di Pulau Pinang tidak lama lagi. Semakan tarif itu diperlukan kerana PBAPP perlu mengumpul lebih banyak dana untuk lebih banyak projek bekalan air baharu bagi mengelak isu bekalan air lebih meluas di negeri ini yang berpunca daripada permintaan air yang semakin meningkat.

PAT RM36.74 juta setahun tidak mencukupi. Pelaburan yang diperlukan untuk satu projek bekalan air mungkin mencecah ratusan juta ringgit.

PBAPP sedang berhubung dengan SPAN untuk mendapatkan kelulusan bagi pelan perniagaannya dan semakan tarif air yang disertakan. Ingin saya mengulangi bahawa sebarang semakan tarif air di Pulau Pinang adalah tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Persekutuan.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my